



---

## **KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**15 FEBRUARI 2023 (RABU)**



---

## **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

**15 FEBRUARI 2023 (RABU)**

HARI :	RABU
TARIKH :	15/2/2023
M/SURAT :	1



# Menu Rahmah mampu atasi masalah obesiti

Oleh ZAHARIE ROSLI  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Menu Rahmah yang diperkenalkan kerajaan dalam membantu golongan berpendapatan rendah mendapatkan makan pada harga murah, boleh menyumbang terhadap pengurangan kadar obesiti dalam negara.

Pakar pemakanan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Roslee Rajikan berkata, ini kerana menu tersebut dengan cara masakan yang sihat, kepelbagaiannya juadah disediakan, saiz dan kualiti hidangan disediakan dilihat sebagai ideal untuk kesihatan seseorang.

Menurutnya, kuantiti hidangan Menu Rahmah mengikut pinggan sihat Malaysia yang tidak berlebihan, tetapi cukup sebagai alas perut adalah satu contoh sajian yang sihat dan ideal.

"Menu Rahmah adalah inisiatif bagus jika sajiannya lengkap bagi memenuhi tenaga dan zat harian yang mengandungi suku nasi, suku protein dan separuh sayur serta buah," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Namun beliau berkata, gaya pemakanan harian perlu diteliti secara menyeluruh jika mahu mencapai matlamat pengurangan



SEORANG pelanggan, Wan Abdul Halim Md Yusoff memesan Menu Rahmah di Restoran Nasi Kandar Stadium di Kuala Lumpur. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

obesiti walaupun Menu Rahmah diambil sebagai makan tengah hari dan malam.

Berdasarkan hasil kajian Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) yang dijalankan setiap empat tahun, kira-kira 50.1 peratus rakyat Malaysia mencatatkan berat badan berlebihan dengan 19.7 peratus daripada

mereka menghadapi masalah obesiti pada 2019.

Ini bermakna satu dalam dua orang dewasa di negara ini menghadapi isu berlebihan berat badan manakala bagi kanak-kanak pula, 30 peratus daripada mereka berusia lima hingga 13 tahun menghadapi masalah obesiti.

Roslee memberitahu, Malaysia

kini mencatatkan masalah obesiti tertinggi di Asia Tenggara.

Jelasnya, walaupun seseorang itu menjaga diet utama, tetapi kualiti makanan yang diambil sebagai snek pada waktu pagi atau petang mengandungi kandungan kalori daripada gula dan lemak sangat tinggi, akan memberi kesan terhadap berat badan seseorang.

## Restoran Hameediyah sedia 15 ekor ayam, 10kg daging

**GEORGE TOWN:** Restoran Hameediyah akan memasak kira-kira 15 ekor ayam serta 10 kilogram (kg) daging sehari khusus untuk menyediakan Menu Rahmah bagi pelanggan restoran tersebut mulai bulan depan.

Pengurus Restoran Hameediyah Sungai Ara, Muhamad Salim Ahamed Seeni Pakir berkata, sejak ini Menu Rahmah akan disediakan di dua cawangan restoran tersebut iaitu di Lebuh Campbell dan Sungai Ara.

"Terdapat dua set Menu Rahmah yang boleh menjadi pilihan pelanggan iaitu sepinggan nasi putih, ayam goreng, sayur kubis manakala satu set lagi ialah nasi putih, lauk daging dan sayur kubis," katanya selepas memperkenalkan Menu Rahmah di Restoran Hameediyah Sungai Ara di sini semalam.

Menurutnya, tarikh pelaksanaan Menu Rahmah di dua cawangan Restoran Hameediyah akan dimaklumkan menerusi laman sosial Facebook restoran berkenaan dalam tempoh terdekat.

Menurutnya, tarikh pelaksanaan Menu Rahmah di dua cawangan Restoran Hameediyah akan dimaklumkan menerusi laman sosial Facebook restoran berkenaan dalam tempoh terdekat.

"Menu ini akan disediakan setiap hari selama lima jam mulai pukul 5 petang dan kita jangka Menu Rahmah ini akan disediakan kepada pelanggan selama dua bulan. Kita akan kaji semula sama ada ingin teruskan Menu Rahmah ini selepas itu berdasarkan kos bahan mentah ketika itu," katanya.

Tambah Muhamad Salim, pihaknya juga mengalu-alukan sekiranya terdapat mana-mana pihak termasuk pengusaha nasi kandar lain untuk bekerjasama bagi menyediakan Menu Rahmah kepada pelanggan.

"Untung memang kurang, tetapi kita masih boleh sediakan Menu Rahmah, kita terbuka dan bersedia bekerjasama dengan mana-mana pihak," katanya.

# Kembangkan lagi konsep Menu Rahmah ke sektor lain

Oleh FAHMI FAIZ  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kerajaan perlu mengembangkan konsep Menu Rahmah ke sektor lain untuk membantu golongan kurang berkemampuan menghadapi kemeseletan ekonomi termasuk kenaikan harga barang.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Penganalisis Ekonomi, Prof. Emeritus Dr. Barjoyal Bar-dai berkata, antara sektor itu adalah perkhidmatan serta ba-

rangan keperluan persekolahan. Katanya, ia membantu golongan berpendapatan rendah menampung perbelanjaan musim persekolahan anak.

"Saya juga bersetuju jika konsep Menu Rahmah, ia juga harus dijadikan landasan meng-aplikasikan sistem ekonomi yang dikenali sebagai *reserved purchase* iaitu konsep tolong menolong sesama masyarakat yang kini menjadi tradisi di banyak negara maju.

"Misalnya keperluan sekolah seperti pakaian, kasut sekolah atau T-shirt, kita juga boleh mengaplikasikan konsep seperti Menu Rahmah," katanya di sini semalam.

Katanya, konsep tersebut

harus dijadikan asas memacu ekonomi bersifat tolong menolong melibatkan sektor swasta, awam serta pengguna.

Malah tambahnya, melalui konsep Menu Rahmah, ia juga harus dijadikan landasan meng-aplikasikan sistem ekonomi yang dikenali sebagai *reserved purchase* iaitu konsep tolong menolong sesama masyarakat yang kini menjadi tradisi di banyak negara maju.

"Saya harap ia akan disambung di kawasan luar bandar dan kawasan miskin bandar, dengan konsep yang dipanggil *reserved purchase*. Ini merujuk kepada orang yang lebih berkeupayaan akan membuat belian. "Contohnya katalah dia beli roti canai, dia beli lima keping dengan harga RM1 sekeping. Tapi, dia bayar RM5. Kemudian, dia kata RM5 baki itu dimasukkan ke dalam *reserved purchase*.

"Jadi nanti akan ada orang yang betul-betul tidak berkemampuan akan tanya, ada tak orang buat *reserved purchase*? Sebenarnya tradisi ini sudah ada di banyak negara seperti di Turkiye, Kanada serta sesetengah negara Eropah," katanya.

Beliau berkata, inflasi semasa negara berada dalam lingku-

ngan yang optimum. "Pemuliharan ekonomi bukan bergantung kepada penurunan harga barang. Semua negara memerlukan inflasi, kadar inflasi kita secara keseluruhan dalam lingkungan tiga peratus, maknanya optimum," katanya.

# Peniaga 'Rahmah' gesa turunkan harga barang

**MENU** Rahmah yang diperkenalkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) baru-baru ini sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban rakyat yang berdepan kos sara hidup tinggi.

Inisiatif tersebut membolehkan rakyat terutama di kawasan bandar menikmati hidangan pada harga murah di bawah RM5, sekali gus dapat mengurangkan perbelanjaan harian.

Pujian patut diberikan kepada peniaga kedai makan yang menyahut saranan kerajaan dengan terlibat dalam inisiatif tersebut meskipun turut sama menanggung kos tambahan akibat kenakan harga barang mentah.

Ia dianggap sebagai salah satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka kepada pelanggan.

Namun begitu, rata-rata peniaga mahu kerajaan lebih serius dalam menangani isu kenakan harga barang mentah bagi memastikan mereka dapat terus menawarkan Menu Rahmah kepada orang ramai.

Peniaga sebuah restoran di Alor Setar, Hashim Abdullah, 55, berkata, kerajaan perlu memastikan bekalan dan harga barang di pasaran terkawal bagi membolehkan Menu Rahmah dapat diteruskan.

"Kita tidak tahu sampai bila



**Analisis Semasa**

Bersama  
**NORLIDA AKMAR IDROS**

boleh tawarkan menu ini dan jika harga barang mentah naik dan gagal dikawal dengan baik, mungkin ia hanya akan tinggal nama," katanya baru-baru ini.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub dilaporkan berkata, pihaknya tidak meletakkan tempoh khusus berhubung pelaksanaan inisiatif itu dan ia terpulang kepada pemain industri.

"Ia bergantung kepada pemain industri, kalau mereka menganggap ini sebagai perkara yang bukan memberi keuntungan besar. Namun lebih kepada untuk memberikan makanan kepada mereka yang memerlukan," katanya baru-baru ini.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Pengguna Kedah (Cake), Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, pelaksanaan menu bajet itu perlu dilakukan secara menyeluruh bagi memastikan inisiatif tersebut berjaya memberi sentuhan kepada setiap pengguna.

"Hasil tinjauan saya di sebuah pasar raya di Alor Setar, hidangan Menu Rahmah ini diletakkan di kaunter di hujung atau bahagian belakang premis.

"Tidak ramai pun yang masuk ke pasar raya itu untuk beli hidangan menu tersebut kerana orang ramai mungkin lebih memilih membelinya di kedai-kedai makan di tepi jalan," katanya.

Menurutnya, pihaknya tidak menafikan ia adalah satu inisiatif yang baik, namun Cake akan terus memperjuangkan isu berkaitan kenaikan harga barang.

"Harga barang masih tidak stabil, ia sangat menekan rakyat ketika ini termasuk peniaga. Bagi saya ia lebih penting.

"Jadi, kerajaan diharapkan tidak membiarkan isu kenakan harga barang ini terus berlarutan. Jika harga barang terus naik, mungkin Menu Rahmah ini pun tidak dapat bertahan lama," ujarnya.

Tambahnya, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan juga perlu lebih proaktif dalam melaksanakan program berkaitan keselamatan makanan.

"Kita lihat belum ada pelaksanaan program berkaitan sekuriti makanan ini dibuat secara besar-besaran dan memberi impak besar kepada bekalan makanan negara," katanya.

## No rule in place to limit sale of Menu Rahmah

**PETALING JAYA:** There will be no rules limiting who can buy the meals under the Menu Rahmah initiative or how many meals they can buy.

There will also be no regulations limiting the purchases to dine-ins or takeaways, says the Domestic Trade and Cost of Living Ministry.

"It (Menu Ramah) is available to all customers, regardless of their income background, but the emphasis is for those in need."

"The goal of this initiative is to ensure that meals are available at the lowest possible prices for the lower-income group," said ministry secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof.

There have been cases of people placing orders for 100 such meals, saying they are for charity.

Azman said the minimum standard for food and beverage operators looking to take part in the initiative was only to provide a meal of rice, one choice of protein (chicken or fish) and vegetables.

The meal must also not cost more than RM5, he said.

Menu Rahmah is a privately driven initiative based on industry players' corporate social responsibility (CSR).

"The response among consumers towards Menu Ramah has also been positive, and the ministry hopes more operators will take part," he said.

Mydin Mohamed Holdings Bhd's managing director Datuk Ameer Ali Mydin said Menu Rahmah could pressure other restaurants to be more competitive in their pricing.

"For example, if one restaurant serves Menu Rahmah and the other doesn't, some customers may opt for the former."

"Food operators who do not want to implement Menu Rahmah will have to reduce food prices to stay competitive," he said.

Ameer said this was not a hit-and-run plan but a long-term one that could be sustained, depending on the price of raw materials.

"We (Mydin) can sustain this for three months given the current costs of raw materials."

"If the price of raw materials remains the same after that, it (Menu Rahmah) could be sustained for a longer period," he said.

Stalls operating at Mydin's outlets have also been supportive of the initiative, with business picking up,

he said.

Malaysian Muslim Restaurant Owners Association (Presma) president Datuk Jawahar Ali Taib Khan said its members encouraged customers to dine in when buying Menu Rahmah items instead of takeaways.

"This is mainly because of the extra cost of takeaway packaging."

"We don't, however, impose a dine-in rule, it's just a suggestion for them to do so," he said.

He added that business had also improved due to the increased footfall since Menu Ramah was introduced.

"We also noticed that only the truly needy request for the RMS meals," he said.

Presma's Johor chapter committee member Hussein Ibrahim said

the association has also yet to receive complaints about the meals being resold at higher prices.

"Rahmah Menu is for everyone. It will be difficult for restaurant owners to monitor if those ordering the meals are really from the low-income category or to stop customers from ordering more than one set of meals at a time."

"After all, the menu is meant to help the people. So far, the people have understood the idea behind the initiative and there has been no abuse," he said.

On any issues relating to Menu Rahmah, consumers can direct their complaints to the ministry via Whatsapp (019-2794317), email to e-aduan@kpdn.gov.my, or the e-aduan portal at www.eaduan.kpdn.gov.my.

# Ensuring food for the vulnerable

## Feedback from traders show no abuse of Menu Rahmah

**PETALING JAYA:** It has been a fortnight since the Menu Rahmah initiative was rolled out nationwide and Malaysians from all walks of life deserve a pat on the back for keeping to its purpose of providing affordable balanced meals to the needy.

The initiative, which sees nearly 15,000 eateries nationwide offering meals – comprising rice, fish or chicken, and vegetables – sold at only RMS, has not received any reports of abuse so far, with food operators saying that it gives them an avenue to give back to fellow Malaysians.

Food stall operator at Mydin Subang Jaya food court, Siti Halijah Abbas, 51, said there were some individuals who bought the RMS menu in large quantities in order to provide for the needy.

"They (customers) ordered a lot at once."

"When asked, they said it was for sedekah (donation) to the underprivileged."

"As an operator, I don't mind it as long as we can play our part to help the people in need," she said.

However, she hoped that the government could look into controlling the prices of ingredients as she

intended to continue the noble act.

Rojak stall operator Sahab, 30, said he had also been receiving a large number of orders from the public since Menu Rahmah was introduced on Jan 31.

Like Siti Halijah, he also found there were customers who ordered the food for the underprivileged.

"There has been an increase of customers since Menu Rahmah was launched."

"I also sometimes received huge orders from people who said they wanted to give them to the needy," he added.

Pertubuhan Sahabat Tomyam Prihatin SeMalaysia adviser Che Mamad Che Mod related the experience of a member of the association in Subang, who received over 100 portions of Menu Rahmah in a single order.

He was told that the orders were meant to be given to tahfiz (religious school) children, and said the association was in no position to question the intention.

"We have pledged to the rakyat that we want to provide affordable meals for everyone."

"When individuals turn up to order in bulk, we just make sure that it is for good deeds," he said.



**Order up:** A worker at a Hameediyah outlet in George Town, Penang showing off their Menu Rahmah offering.

## RM5 a plate at oldest nasi kandar restaurant

**GEORGE TOWN:** The oldest nasi kandar restaurant in the country has joined the Menu Rahmah bandwagon, but it hopes consumers will not "abuse" the initiative.

Hameediyah Restaurant manager Muhammad Salim Ahamed Seeni Pakir said it wanted to make its nasi kandar available primarily to the B40 community and hoped other consumers would act responsibly.

"We hope our customers will have empathy and know that this initiative is for the poor and needy," he said, adding that the restaurant would not have a mechanism to stop anyone from buying its Menu Rahmah selections.

Muhammad Salim said this after the launch of Menu Rahmah at the

restaurant, well known for its nasi kandar since its inception in 1907.

Menu Rahmah will be available at Hameediyah Restaurant outlets in Sungai Ara and Campbell Street starting from next month.

"We might offer Menu Rahmah selections at specific hours and those who come then can enjoy the reduced prices," he said.

For the B40 group to enjoy Hameediyah Restaurant's cooking, Muhammad Salim said a meal that would normally be sold at RM10 would instead be priced at RM5 under Menu Rahmah.

This original price breakdown, he said, would be rice (RM1), fried chicken or fish (RM5.50), vegetables (RM2.50) and cordial drink (RM1).

State Domestic Trade and Cost of Living Ministry director S. Jegan, who attended the launch, said the ministry encouraged food operators to join the initiative, which was introduced on Jan 31.

He said the programme would enable customers from the B40 group to enjoy balanced meals at RM5 at selected outlets.

"It is a quick-win initiative to reduce cost of living for the people," he said.

Jegan said since its introduction, 18 food operators here had come on board.

He said the initiative would be expanded to public and private universities soon to assist students from B40 families.

## Aid under Rahmah initiative for hardcore poor to be implemented

KUALA LUMPUR: The Rahmah initiative will cover five main areas and is being implemented in stages starting from early this month, Parliament was told.

Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister Fuziah Salleh said the Rahmah initiative – aimed at helping those in need, especially in getting basic essentials – includes a food basket programme that provides basic necessities valued at RM100.

"It contains essential items such as rice, flour, cooking oil, sugar and

eggs, which will be distributed by our strategic partners to the hardcore poor continually each month," she said in response to a question from Datuk Rosol Wahid during Question Time.

The Hulu Terengganu MP of Perikatan Nasional had asked the ministry to reveal its short, mid and long-term plans to tackle cost of living issues.

Fuziah said another initiative is the Rahmah Sale programme, which will involve major supermarkets across the country promoting



sales throughout this year.

"For this purpose, the ministry will issue a cheap sale notice permit for the initiative of up to four months compared to the current one month," she said.

Then there is the Rahmah Package programme, which will also involve hypermarkets, that

offers various basic consumer goods in the form of packages.

"The package of essential items, which is valued at RM70, will be sold to consumers at RM50," she explained.

The other two initiatives are Kafe Rahmah and Menu Rahmah, she added.

Kafe Rahmah is to provide affordable food for public university students as well as free meals for the hardcore poor.

On Jan 31, the Domestic Trade and Cost of Living Ministry

launched Menu Rahmah – a balanced meal of rice, fish or chicken, and vegetables for RM5 – which is available at some 15,000 food outlets nationwide.

Fuziah also assured the public that the unity government will prioritise the group hardest hit by the cost of living.

"A mechanism to distribute subsidies that is more controlled using the latest technology and ICT (information and communications technology) will be used to ensure leakages are reduced."

# Harga sayur di Pulau Pinang turun 40 peratus

**Bayan Baru:** Harga sayur-sayuran di Pulau Pinang menurun sehingga 40 peratus, selepas naik secara mendadak pertengahan bulan lalu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saraw Hidup Pulau Pinang, S Jegan, berkata penurunan berkenaan membabitkan 10 jenis sayur.

Katanya, antara harga sayur yang berkurang ialah tomato iaitu antara 5 hingga 41 peratus bagi setiap satu kilogram (kg), kacang panjang (8 hingga 25 peratus), terung panjang (6 hingga 20 peratus), terung bulat (6 hingga 25 peratus).

Beliau berkata, kacang bendi menurun 6 hingga 20 peratus, kubis bunga (5 hingga 25 peratus), limau kasturi (6 hingga 21 peratus), kacaing buncis (2 hingga 41 peratus), brokoli (6 hingga 20 peratus) dan lada benggala hijau (5 hingga 20 peratus).

Secara keseluruhan, Jegan berkata, terdapat 41 jenis sayur-sayuran di pasaran dan setakat semalam, 10 daripada sayur berkenaan mencatatkan penurunan harga.

Beliau berkata, harga sayur-sayuran dijangka kembali normal dalam tempoh masa terdekat.

"Kita akan terus melaksana-

kan penguatkuasaan dan pemerkasaan agresif serta berterusan bagi menangani isu kenaikan harga barang," katanya ketika mengadakan pemeriksaan pematuhan penandaan harga di pasar awam, di sini, semalam.

Hadir sama Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) negeri, Mohd Azraie Ramli.

## Keluar 36 notis

Jegan berkata, sehingga semalam pihaknya sudah mengeluarkan 36 notis pengesahan maklumat barang terhadap beberapa peniaga borong dan runcit di negeri ini.

Notis berkenaan diberi susulan kenaikan harga barang termasuk sayur seperti sawi, kacang panjang, kubis, tomato, kangkung, kacang bendi dan timun.

"Peniaga yang dikesan melakukan kesalahan penandaan harga, menjual melebihi harga maksimum akan disiasat mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti-pencatutan 2011.

"Kita juga menasihati pengguna supaya mereka menggunakan kuasa mereka supaya membuat perbandingan harga serta pilih premis perniagaan yang menawarkan harga berpatutan," katanya.



Jegan (dua dari kanan) mengadakan pemeriksaan pematuhan penandaan harga pasar awam di Bayan Baru, semalam.

(Foto Mikail Ong/BH)

Bekalan mula makin stabil menjelang Ramadan

# Harga sayur di P. Pinang turun 42 peratus

Oleh SAFINA RAMLI

**GEORGE TOWN** — Harga bagi beberapa jenis sayur-sayuran di negeri ini mula menunjukkan trend penurunan antara tiga hingga 42 peratus kelmarin.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), S. Jegam berkata, antara sayur-sayuran itu adalah tomato turun antara 5.3 hingga 42 peratus, kacang panjang (8.33 hingga 25 peratus), kacang buncis (2.9 hingga 42 peratus) dan brokoli (6.7 hingga 20 peratus).

Selain itu, jelasnya, harga terung panjang juga turun antara 6.7 hingga 20 peratus, terung bulat (6.7 hingga 25 peratus), kacang bendi (6.3 hingga 20 peratus), limau kasturi (6.3 hingga 22 peratus) dan lada bengala hijau (5.6 hingga 20 peratus).

"Setakat semalam (kelmarin), pemantauan kita dapatkan kesemua sayur ini mula turun harga antara tiga hingga 42 peratus.

"Memang ada harga turun tetapi bukan semua jenis sayur-sayuran, nampaknya harga makin stabil," katanya dalam sidang akbar selepas Ops Suri dan Ops Menu di Pasar Awam dan Kompleks Makanan Bayan Baru di sini semalam.

Terdahulu, Persatuan Pengguna Pulau Pinang, dalam satu kenyataan berkata, harga sayur-sayuran di negeri ini meningkat sehingga 160 peratus.



JEGAN (dua dari kiri) bersama Pengarah FAMA, Azraie Ramli ketika OPS SURI 5.0 dan Ops Menu 3.0 di Pasar Awam Bayan Baru, George Town semalam. — IQBAL HAMDAN

Jelas Jegam, terdapat juga sayur-sayuran lain dikesan mengalami kenaikan harga antara 2.13 hingga 73 peratus setakat semalam.

"Antara yang dikesan naik harga ialah sawi antara 7.14 hingga 33.33 peratus dan kailan (8.33 hingga 30 peratus).

"Penurunan dan kenaikan harga sayur-sayuran ini adalah berdasarkan permintaan, namun ingin kami ulangi bahawa tidak ada harga sayur-sayuran yang naik hingga 160 peratus," katanya.

Dalam perkembangan lain, Jegam berkata, menerusi Ops Menu yang dijalankan bagi memantau dan menangani isu harga makanan yang dimasak, sebanyak 5,264 pemeriksaan telah dilakukan di seluruh Pulau Pinang dan tiga tindakan kes telah diambil ke atas peniaga setakat ini.

"Jika ada yang naikkan harga tindakan diambil melibatkan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011," jelasnya.

## Harga 10 jenis sayur di Pulau Pinang catat penurunan

**Bayan Baru:** Harga bekalan sebagai jenis sayur-sayuran di Pulau Pinang mencatatkan penurunan sehingga 41 peratus selepas ia naik sejara mendadak pertengahan julai lalu.

Namun, penurunan itu hanya membabitkan 10 jenis sayuran.

Sayur yang mencatatkan penurunan adalah tomato atau antara 5.27 hingga 41.7 peratus bagi setiap satu kilogram (kg), kacang panjang 8.33 hingga 25 peratus), te-

rung panjang (6.67 hingga 20 peratus) dan terung bulat (6.67 hingga 25 peratus).

Manakala kacang bendi merekodkan penurunan 6.25 hingga 20 peratus, kubis bunga (5.27 hingga 25 peratus), limau kasturi (6.25 hingga 21.44 peratus), kacang buncis (2.86 hingga 41.18 peratus), brokoli (6.67 hingga 20 peratus) dan lada bengala hijau (5.56 hingga 20 peratus).

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri

dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang S Jegan berkata, secara keseluruhannya, terdapat 41 jenis sayur-sayuran di pasaran dan setakat kelmarin, 10 daripadanya mencatatkan penurunan.

Beliau berkata, pihaknya juga menjangka harga sayur-sayuran akan kembali normal dalam tempoh masa terdekat.

"KPDN memandang serius isu kenaikan harga barang dan makanan

dan harga barang dan makanan yang dilapor di media arus perdana serta media sosial pada ketika ini.

"Sehubungan itu, kami laksanakan penguatkuasaan dan pemeriksaan agresif serta berterusan bagi menangani isu kenaikan harga barang.

"Ia termasuk pelaksanaan Ops Surri 5.0 dan

Ops Menu 3.0 untuk memastikan pematuhan lebih baik terhadap perundangan yang diakui kuasaikan," kata-

nya di Pasar Awam dan Medan Seleraya Bayan Baru di sini, semalam.

Terdahulu, Jegan bersama Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) negeri, Mohd Azraie Ramli melakukan tinjauan di pasar awam berkenaan selain melakukan advokasi kepada peniaga supaya memamerkan tanda harga jelas

dan tidak mengelirukan pengguna.

Dalam perkembangan lain, Jegan berkata, sehingga kelmarin, pihaknya sudah mengeluarkan 36 notis peringatan maklumat barang (NPMB) terhadap beberapa peniaga borong dan runcit di negeri ini.

Notis itu diberi susulan kenaikan harga barang termasuk sayur-sayuran seperti sawi, kacang panjang, kubis, tomato, kangkung, kacang bendi dan timun.

HARI : RABU  
TARIKH : 15/2/2023  
M/SURAT : 3



# Harga sayur di Pulau Pinang turun

Kadar penurunan antara 2.9 hingga 42 peratus mengikut jenis sayur

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI  
**BAYAN BARU**

**H**arga beberapa jenis sayur di Pulau Pinang mengalami trend penurunan sehingga 42 peratus sejak beberapa minggu lalu.

Sayur tersebut, antaranya tomato yang turun 5.3 hingga 42 peratus, kacang panjang (8.33 hingga 25 peratus) dan brokoli (6.7 hingga 20 peratus).

Selain itu, harga terung panjang juga turun antara 6.7 hingga 20 peratus, terung bulat (6.7 hingga 25 peratus), kacang ben-

di (6.3 hingga 20 peratus), limau kasturi (6.3 hingga 22 peratus) dan lada benggala hijau (5.6 hingga 20 peratus).

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Pulau Pinang, S Jegan berkata, harga beberapa sayuran mula menurun antara 2.9 hingga 42 peratus mengikut jenis selepas bekalan didapati telah stabil.

Bagaimanapun, kata beliau, harga enam jenis sayur dilaporkan naik antara 2.1 hingga 73 peratus.

"Enam jenis sayur tersebut ialah kubis bunga (6.7 hingga 73 peratus), sawi (7.1 hingga 33 peratus), kailan (8.3 hingga 30 peratus), kacang buncis (6.3 hingga 50 peratus), timun (8.6 hingga 16.7 peratus) dan lada benggala merah (2.1 hingga 53 peratus).

"Senarai penurunan dan kenaikan harga sayur-sayuran ini merupakan perbandingan bagi 12 dan 13 Februari.

"Setiap hari kita akan memantau harga-harga barang



Jegan (dua dari kiri) meneliti harga ikan di Pasar Awam Bayan Baru ketika menyertai Ops Suri dan Ops Menu pada Selasa.

termasuk sayur, ikan dan ketam bagi memastikan peniaga tidak meningkatkan harga sesuka hati," katanya selepas menyertai Ops Suri dan Ops Menu di Pasar Awam dan Makanan Bayan Baru di sini pada Selasa.

Beliau turut menafikan beberapa dakwaan mengenai kenaikan harga sayur-sayuran yang melampau di negeri itu sehingga 160 peratus.

"Walaupun ada beberapa jenis sayur menunjukkan pe-


ningkatan harga, namun setakat ini tiada kenaikan melampau sehingga 160 peratus seperti yang dilaporkan sebelum ini.

"Peratusan yang naik tidak melebihi 100 peratus, oleh itu dakwaan mengatakan harga naik secara melampau itu tidak benar dan tidak masuk akal," katanya.

Dalam pada itu, Jegan berkata, sehingga Isnin, sebanyak 5,264 pemeriksaan telah dilakukan di seluruh Pulau Pinang dengan tiga daripadanya diambil tindakan.

"Tindakan yang diambil adalah kerana peniaga telah melakukan kesalahan di bawah Ops Menu 3.0 melibatkan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Setakat Isnin, kita telah mengeluarkan sebanyak 36 Notis Pengesahan Maklumat Barang (NPMB) kepada peniaga borong dan runcit di negeri ini berdasarkan isu kenaikan harga barang termasuk sayur-sayuran," katanya.



SEBUAH bakul tomato yang diletakkan di premis tular di Bukit Pulau, Melaka semalam.

## Kedai jual tomato dua biji RM9 diserbu KPDN

**MELAKA** — Penguatan kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) negeri telah menyerbu sebuah kedai di Bukit Pulau dekat sini selepas tular menjual dua biji tomato seberat 200 gram pada harga RM9 kelmarin.

Pengarah KPDN negeri, Norena Jaafar berkata, serbuan itu dilakukan oleh lima penguatan kuasa pada pukul 6.30 petang hari itu selepas kejadian tular di laman sosial Facebook.

"Hasil soal siasat peniaga tersebut akui anaknya yang juga kedai tersebut semasa kejadian telah tersalah kira dan baki RM6.50 telah dipulangkan kepada pelanggan terbabit.

"Dia juga mendakwa hanya mengetahui kejadian itu selepas pelanggan terbabit yang tidak berpuas hati telah datang semula untuk bertanyakan

harga sebenar tomato," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Tambahnya, pemeriksaan turut dilakukan pada penimbang berat yang digunakan dan mendapati ia berfungsi dengan baik.

"Pemilik premis juga ada memaparkan tanda harga pada buah tomato tersebut iaitu RM10 bagi sekilogram.

"Bagaimanapun kita mengeluarkan satu kompaun atas kesalahan tidak pamer tanda merah jambu pada barang kawalan telur yang dijual, itu sahaja," katanya.

Terdahulu, semalam tular di Facebook apabila seorang pengguna memuat naik status dan gambar dua biji tomato yang dibelinya pada harga RM9 di sebuah kedai di Bukit Pulau, di sini.



Pegawai pengawal kuasa KPDN membuat pemeriksaan di kedai runcit yang tular menjual tomato mahal di Bukit Pulau, Melaka.

## Jual tomato mahal, peniaga akui tersilap

**MELAKA** - Pemilik kedai runcit yang tular didakwa menjual tomato dengan harga mahal mengakui membuat kesilapan ketika pengiraan.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Melaka, Norena Jaafar berkata, pegawai pengawal kuasa telah pergi ke premis berkenaan serta membuat pemeriksaan bagi memastikan kesahihan berita tersebut.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapat tanda harga ada dipamerkan pada sayur tersebut iaitu RM10 se-kilogram.

"Bertanyakan berkaitan isu harga tomato tersebut, pemilik

premis menyatakan berlaku kesilapan semasa pengiraan.

"Bagaimanapun, baki wang tersebut telah dipulangkan semula kepada pelanggan," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Jelas Norena, pemeriksaan menyeluruh juga telah dibuat dan satu tindakan kompaun telah diambil di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 berkaitan tanda harga.

*Sinar Harian* pada Isnin melaporkan seorang lelaki terkejut apabila perlu membayar RM9 untuk harga dua biji tomato seberat kira-kira 200 gram yang dibeli dari sebuah kedai runcit kampung di Bukit Pulau.

## KPDN Terengganu rampas barang bernilai RM83,000

**Kuala Nerus:** Pelbagai barang bernilai RM83,000 dirampas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Terengganu dalam tempoh bermula 1 Januari sehingga 9 Februari lalu.

Pengaruhnya Saharuddin Mohd Kia berkata, pihaknya turut mengeluarkan sebanyak 138 kompaun bernilai RM21,700 kepada peniaga dan pemborong membabitkan pelbagai kesalahan dalam tempoh sama.

Beliau berkata, ia hasil 9,141 pemeriksaan ke atas

992 premis dan daripada jumlah itu sebanyak 156 kes diambil tindakan untuk dibuka kertas siasatan.

"Antara kesalahan yang paling tinggi direkodkan adalah di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencautan (AKHAP) 2011 iaitu sebanyak 94 kes serta 45 kes di bawah Akta Timbang dan Sukat (ATS) 1972.

"Sebanyak 12 kesalahan turut direkodkan di bawah Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 dan lima kes lagi mengikut Akta Perlindungan Pengguna (APP) 1999," katanya.

Mengenai harga sayuran yang dilaporkan mahal, Saharuddin berkata, pihaknya sudah mengeluarkan 37 notis kepada 37 premis di seluruh Terengganu dalam tempoh sama.

Katanya, notis itu dikeluarkan mengikut Seksyen 21 AKHAP 2011 kepada premis yang dilaporkan menjual sayuran dengan harga tinggi.

"Ia sedang dalam proses analisa untuk siasatan lanjut bagi mengesan sekiranya wujud isu pencautan barang berkenaan," katanya.

PENIAGA PASAR BASAH TERJEJAS

# Telur, daging, sotong naik RM5

Oleh Suraya Roslan  
suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Harga bahan mentah naik mendadak bermula bulan lalu menyebabkan peniaga pasar basah di ibu kota mengeluh dan mendakwa kehilangan hampir 50 peratus pelanggan.

Tinjauan di Pasar Chow Kit, di sini, mendapati suasana pasar basah yang sebelum ini penuh dan sesak dengan pengunjung setiap pagi kini bertukar leengang.

Pelanggan, Mas Intan Hamdan, 37, berkata, kenaikan harga RM3 hingga RM5 untuk telur, daging dan sotong sangat dirasai ketika ini.

"Disebabkan itu keluarga saya kini lebih memilih juadah ikan berbanding makanan laut lain kerana berlaku kenaikan harga mendadak.

"Saya lebih memilih membeli barang dari pasar raya berbanding pasar ba-



TINJAUAN pasar Chow Kit berhubung barang yang mengalami kenaikan harga ketika ini. · Gambar NSTP/ SVAIFUL RAZIQ

sah kerana harganya lebih murah," katanya.

Katanya, dia berharap pihak berkuasa dapat melaksanakan pemantauan harga di pasar basah kerana peningkatan mendadak harga yang membebankan pengguna.

Sementara itu, peniaga daging dikenali sebagai Ahmad, 40-an, berkata, kekuaran pelanggan semakin ketara selepas harga pelbagai barang mentah naik mendadak bermula bulan lalu.

"Kami mengambil daging daripada pembekal pun sudah tinggi harganya, jadi terpaksa jual dengan harga yang tinggi juga.

"Kami tidak mempunyai pilihan kerana keuntungan pun hanya sedikit, namun faham bebanan ditanggung pengguna," katanya.

Peniaga sayur di sebuah pasar di ibu kota mendakwa kenaikan harga barang mentah berlaku berikutnya tiada pemantauan berkala oleh pihak berkuasa.

"Setiap kali pihak berkuasa datang, sesetengah peniaga akan menurunkan

harga, kemudian sebaik mereka pulang, mereka akan menukar label kepada harga lebih tinggi.

"Taktik ini kebanyakannya dilakukan peniaga warga asing kerana beranggap undang-undang kita longgar," katanya.

SUARA KONTEMPORARI  
**Kosmo!**

HARI : RABU  
TARIKH : 15/2/2023  
M/SURAT : 16

 Senarai Harga Barang Keperluan	Ayam RM7.99	Telur Gred A RM13.50	Gula Pasir RM2.80	Cili Merah RM9.50
	Daging Lembu Tempatan RM36	Ikan Kembung RM13	Bawang Besar Holland RM2.49	Kubis Bulat Tempatan RM3.99
	Daging Lembu Import RM50.90	Minyak Masak RM6.76	Bawang Putih RM4.99	Tepung Candum RM3.00
				*Harga (RM/kg) Sumber: KPDN



---

---

## **MEDIA ONLINE (KPDN)**

---

---

**15 FEBRUARI 2023 (RABU)**

BERITA ONLINE BERTARIKH 15 FEBRUARI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
15-Feb	'Untung kecil tak apa, asalkan boleh bantu'	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/245127">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/245127</a>	SH
15-Feb	Restoran Hameediyah perkenal Menu Rahmah bermula Mac ini	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/935893/restoran-hameediyah-perkenal-menu-rahmah-bermula-mac-ini">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/935893/restoran-hameediyah-perkenal-menu-rahmah-bermula-mac-ini</a>	HM
15-Feb	Kerajaan teliti kenaikan harga bahan mentah jejas Menu Rahmah	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/kerajaan-teliti-kenaikan-harga-bahan-mentah-jejas-menu-rahmah/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/kerajaan-teliti-kenaikan-harga-bahan-mentah-jejas-menu-rahmah/</a>	UM
15-Feb	Pengalaman ikat perut di KL, dorong peniaga perkenal nasi baltet sejak 2010	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/pengalaman-ikat-perut-di-kl-dorong-peniaga-perkenal-nasi-baltet-sejak-2010-406265%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/pengalaman-ikat-perut-di-kl-dorong-peniaga-perkenal-nasi-baltet-sejak-2010-406265%3famp=1</a>	ASTROAWANI
15-Feb	10 jenis sayur catat penurunan harga di Pulau Pinang	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/935885/10-jenis-sayur-catat-penurunan-harga-di-pulau-pinang">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/935885/10-jenis-sayur-catat-penurunan-harga-di-pulau-pinang</a>	HM
15-Feb	Harga 10 jenis sayur catat penurunan di Pulau Pinang	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/02/14/harga-10-jenis-sayur-catat-penurunan-di-pulau-pinang/">https://malaysiagazette.com/2023/02/14/harga-10-jenis-sayur-catat-penurunan-di-pulau-pinang/</a>	MALAYSIAGAZETTE
15-Feb	Polis tahan dua lelaki disyaki seludup beras, minyak masak	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/02/1064103/polis-tahan-dua-lelaki-disyaki-seludup-beras-dan-minyak-masak">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/02/1064103/polis-tahan-dua-lelaki-disyaki-seludup-beras-dan-minyak-masak</a>	BH
15-Feb	KPDN rampas barang bernilai RM83,000	<a href="https://www.utusan.com.my/terkini/2023/02/kpdn-rampas-barangan-bernilai-rm83000/">https://www.utusan.com.my/terkini/2023/02/kpdn-rampas-barangan-bernilai-rm83000/</a>	UM
15-Feb	Baju raya Rahmah menjelang Aidilfitri	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/baju-rayrahmah-menjelang-aidilfitri/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/baju-rayrahmah-menjelang-aidilfitri/</a>	UM

15-Feb	Kerajaan pertimbang inisiatif 'Raya Rahmah' untuk rakyat	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kerajaan-pertimbang-inisiatif-raya-rahmah-untuk-rakyat/">https://www.buletintv3.my/nasional/kerajaan-pertimbang-inisiatif-raya-rahmah-untuk-rakyat/</a>	BULETINTV3
15-Feb	Kerajaan perkenal Raya Rahmah minggu hadapan	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/02/14/kerajaan-perkenal-raya-rahmah-minggu-hadapan/">https://www.kosmo.com.my/2023/02/14/kerajaan-perkenal-raya-rahmah-minggu-hadapan/</a>	KOSMO
15-Feb	Inisiatif rahmah dikembangkan kepada raya rahmah	<a href="https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/57348-inisiatif-rahmah-dikembangkan-kepada-raja-rahmah">https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/57348-inisiatif-rahmah-dikembangkan-kepada-raja-rahmah</a>	BERITARTM
15-Feb	Dari 'Menu Rahmah' ke 'Raya Rahmah'	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1064338/dari-menu-rahmah-ke-raja-rahmah">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1064338/dari-menu-rahmah-ke-raja-rahmah</a>	BH
15-Feb	Dari 'Menu Rahmah' ke 'Raya Rahmah'	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/936071/dari-menu-rahmah-ke-raja-rahmah">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/936071/dari-menu-rahmah-ke-raja-rahmah</a>	HM
15-Feb	Lebih banyak restoran makanan segera minat serta inisiatif Menu Rahmah - Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1064346/lebih-banyak-restoran-makanan-segera-minat-sertai-inisiatif-menu">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1064346/lebih-banyak-restoran-makanan-segera-minat-sertai-inisiatif-menu</a>	BH
15-Feb	Fast food operators interested in introducing Menu Rahmah offerings	<a href="https://www.theedgemarkets.com/node/655253">https://www.theedgemarkets.com/node/655253</a>	THEEDGE MARKETS
15-Feb	Fast food joints want to join Menu Rahmah programme, says Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/02/879920/fast-food-joints-want-join-menu-rahmah-programme-says-salahuddin">https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/02/879920/fast-food-joints-want-join-menu-rahmah-programme-says-salahuddin</a>	NST
15-Feb	Beberapa restoran makanan segera berminat perkenal Menu Rahmah – Salahuddin	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/02/14/beberapa-restoran-makanan-segera-berminat-perkenal-menu-rahmah-salahuddin/">https://malaysiagazette.com/2023/02/14/beberapa-restoran-makanan-segera-berminat-perkenal-menu-rahmah-salahuddin/</a>	MALAYSIAGAZETTE

15-Feb	Beberapa restoran makanan segera berminat perkenal Menu Rahmah - Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/beberapa-restoran-makanan-segera-berminat-perkenal-menu-rahmah-salahuddin-406549%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/beberapa-restoran-makanan-segera-berminat-perkenal-menu-rahmah-salahuddin-406549%3famp=1</a>	ASTROAWANI
15-Feb	Fast food operators interested in introducing Menu Rahmah offerings	<a href="https://selangorjournal.my/2023/02/fast-food-operators-interested-in-introducing-menu-rahmah-offerings/">https://selangorjournal.my/2023/02/fast-food-operators-interested-in-introducing-menu-rahmah-offerings/</a>	SELANGORJOURNAL
15-Feb	Ada lagi restoran makanan segera bakal perkenal Menu Rahmah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/245228">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/245228</a>	SH
15-Feb	Beberapa restoran makanan segera berminat perkenal Menu Rahmah	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2164565">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2164565</a>	BERNAMA
15-Feb	Beberapa restoran makanan segera berminat perkenal Menu Rahmah - Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/beberapa-restoran-makanan-segera-berminat-perkenal-menu-rahmah-salahuddin-406549%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/beberapa-restoran-makanan-segera-berminat-perkenal-menu-rahmah-salahuddin-406549%3famp=1</a>	ASTROAWANI
15-Feb	Fast food operators interested in introducing Menu Rahmah offerings	<a href="https://www.thesundaily.my/local/fast-food-operators-interested-in-introducing-menu-rahmah-offerings-ME10638217">https://www.thesundaily.my/local/fast-food-operators-interested-in-introducing-menu-rahmah-offerings-ME10638217</a>	THESUNDAILY
15-Feb	Pengusaha premis di Labuan terima sambutan baik Menu Rahmah	<a href="https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/57331-pengusaha-premis-di-labuan-terima-sambutan-baik-menu-rahmah">https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/57331-pengusaha-premis-di-labuan-terima-sambutan-baik-menu-rahmah</a>	BERITARTM
15-Feb	Restoran nasi kandar 'mahal' turut tawar Menu Rahmah	<a href="https://tvstv.my/2023/02/14/restoran-nasi-kandar-mahal-turut-tawar-menu-rahmah/">https://tvstv.my/2023/02/14/restoran-nasi-kandar-mahal-turut-tawar-menu-rahmah/</a>	TVSTV
15-Feb	Fast food operators interested in introducing Menu Rahmah offerings	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/14/fast-food-operators-interested-in-introducing-menu-rahmah-offerings">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/14/fast-food-operators-interested-in-introducing-menu-rahmah-offerings</a>	THESTAR
15-Feb	Prices of 10 vegetables in Penang show downward trend: KPDN	<a href="https://www.thesundaily.my/home/prices-of-10-vegetables-in-penang-show-downward-trend-kpdn-BE10637262">https://www.thesundaily.my/home/prices-of-10-vegetables-in-penang-show-downward-trend-kpdn-BE10637262</a>	THESUNDAILY

15-Feb	Prices of 10 vegetables in Penang show downward trend: KPDN	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2164522">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2164522</a>	BERNAMA
15-Feb	Peniaga akui tersilap kira harga tomato	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/245177">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/245177</a>	SH
15-Feb	Two men arrested for smuggling rice, cooking oil	<a href="https://www.thesundaily.my/home/two-men-arrested-for-smuggling-rice-cooking-oil-HE10637563">https://www.thesundaily.my/home/two-men-arrested-for-smuggling-rice-cooking-oil-HE10637563</a>	THESUNDAILY